



اوتورسیتی ملیسیا فهج السطان عبد الله  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
 AL-SULTAN ABDULLAH**

# BUKU PERATURAN AKADEMIK **PROGRAM ASASI, PRA DIPLOMA, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**



EDISI PENAMBAHBAIKAN 2025

# 2025



**TEKNOLOGI  
 UNTUK  
 MASYARAKAT**



www.umpsa.edu.my

TEKNOLOGI UNTUK MASYARAKAT

QUALITY STANDARD

SQA

WORLD UNIVERSITY RANKINGS

THE

Green Metric

US News

**PERATURAN AKADEMIK PROGRAM ASASI, PRA DIPLOMA, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

Hakcipta@Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Cetakan Pertama 2002

Cetakan Kedua 2004

Cetakan Ketiga 2005

Edisi Penambahbaikan 2008

Edisi Penambahbaikan 2013

Edisi Penambahbaikan 2015

Edisi Penambahbaikan 2019

Edisi Penambahbaikan 2020

Edisi Penambahbaikan 2021

Edisi Penambahbaikan 2022

Edisi Penambahbaikan 2023

Edisi Penambahbaikan 2025

Nota: Perubahan Peraturan Akademik Program Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Edisi Penambahbaikan 2025 telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Ke-237 Bil. 8/2025 berkuatkuasa bagi Semester I Sesi Akademik 2025/2026. Justeru, Peraturan Akademik Edisi Penambahbaikan 2023 adalah terbatal. Buku peraturan Akademik ini juga perlu dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dan berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada elektronik, fotostat, rakaman, visual atau cara lain pada mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

**PERATURAN AKADEMIK PROGRAM ASASI, PRA DIPLOMA, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)**

<b>BAHAGIAN I</b>	5
TAKRIF	
<b>BAHAGIAN II</b>	11
TAHUN AKADEMIK	
<b>BAHAGIAN III</b>	14
PENDAFTARAN PROGRAM	
<b>BAHAGIAN IV</b>	15
PENDAFTARAN KURSUS	
(1) Pendaftaran Kursus	
(2) Tambah Kursus	
(3) Gugur Kursus (GK)	
(4) Pendaftaran Kursus Hadir Wajib (HW)	
(5) Pendattaran Ulang Kursus (UK)	
(6) Pendaftaran Kursus Baiki Gred (BG)	
(7) Pendaftaran Kursus Latihan Industri	
(8) Pendaftaran Kursus <i>Work Based Learning</i> (WBL)	
<b>BAHAGIAN V</b>	20
SKIM KREDIT	
(1) Kredit Kursus dan Nilai Kredit	
(2) Beban Kredit Maksimum	
(3) Kredit Ulang Kursus (UK)	
(4) Kredit Baiki Gred (BG)	
(5) Kredit Minimum Program dan Tempoh Pengajian	
<b>BAHAGIAN VI</b>	22
PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KURSUS	
(1) Pemindahan Kredit Secara Menegak ( <i>Vertical</i> )	
(2) Pemindahan Kredit Secara Mendatar ( <i>Horizontal</i> )	
(3) Pemindahan Kredit bagi Penganugerahan <i>APEL-C</i> , <i>Massive Open Online Courses (MOOC)</i> , dan <i>Microcredential (MC)</i>	
(4) Pengecualian Kursus	
<b>BAHAGIAN VII</b>	27
SISTEM GRED	

<b>BAHAGIAN VIII</b>	31
PENILAIAN	
(1) Kehadiran Penilaian Pembelajaran	
(2) Skim Penilaian	
(3) Kecurangan Akademik	
(4) Peperiksaan Akhir	
(5) Peperiksaan Khas	
(6) Penilaian Khas	
(7) Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir	
<b>BAHAGIAN IX</b>	35
KEDUDUKAN AKADEMIK	
<b>BAHAGIAN X</b>	36
SENARAI KEPUJIAN DEKAN	
<b>BAHAGIAN XI</b>	37
PENGANUGERAHAN DAN TAMAT PENGAJIAN	
(1) Syarat Penganugerahan Diploma	
(2) Syarat Penganugerahan Sarjana Muda	
(3) Syarat Tamat Pengajian Asasi dan Pra Diploma	
(4) Permohonan Penangguhan Penganugerahan	
(5) Penganugerahan Anumerta	
(6) Penganugerahan Aegrotat	
(7) Kelas Penganugerahan Diploma dan Sarjana Muda	
<b>BAHAGIAN XII</b>	39
PENANGGUHAN PENGAJIAN	
<b>BAHAGIAN XIII</b>	41
DAFTAR SEMULA	
<b>BAHAGIAN XIV</b>	42
PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN	
<b>BAHAGIAN XV</b>	43
PERUNTUKAN AM	

## BAHAGIAN I – TAKRIF

“**Aegrotat**” bermaksud penganugerahan Diploma atau Sarjana Muda kepada pelajar yang hilang keupayaan dalam tempoh pengajian tertakluk kepada syarat dan kelulusan Senat.

“**Aktiviti Akademik Khas**” bermaksud mana-mana aktiviti akademik di luar struktur kurikulum yang diluluskan atau lain-lain bersesuaian dengan keperluan akademik. Aktiviti ini boleh dikira dalam semester pengajian lazim atau penangguhan pengajian.

“**Anumerta**” bermaksud penganugerahan Diploma atau Sarjana Muda kepada pelajar yang meninggal dunia dalam tempoh pengajian tertakluk kepada syarat dan kelulusan Senat.

“**Asasi**” bermaksud program persediaan yang menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas sebelum melanjutkan pengajian yang lebih tinggi terutamanya program Sarjana Muda.

“**Baiki Gred (BG)**” bermaksud kursus ulangan bagi memperbaiki gred kursus sebelumnya.

“**Beban Kredit**” bermaksud jumlah bilangan kredit kursus yang diambil oleh pelajar dalam sesuatu semester.

“**Daftar Semula**” bermaksud pelajar yang gagal semester pertama pengajian dan dibenarkan memulakan semula pengajian pada semester berikutnya.

“**Dekan**” bermaksud ketua Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang dilantik oleh Naib Canselor.

“**Diberhentikan**” bermaksud status yang diberikan kepada pelajar yang tidak mendaftar sebarang kursus dalam sesuatu semester atau pelajar yang dipecat dari Universiti di bawah kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-pelajar 2024) serta segala peraturan yang berkuatkuasa di Universiti dari semasa ke semasa.

“**Digantung Pengajian**” bermaksud pelajar diberhentikan atau ditangguhkan sementara waktu dari meneruskan pengajian atas sebab-sebab yang ditetapkan oleh Universiti.

“**Diploma**” bermaksud program pengajian peringkat pasca-sijil yang biasanya dijalankan oleh universiti atau institusi pengajian tinggi.

**“Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut”** bermaksud entiti akademik utama yang ditubuhkan di bawah Seksyen 24 Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang hendaklah bertanggungjawab kepada Senat atas penyusunan pengajaran dalam mata pelajaran mengenai pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Statut, Kaedah atau Peraturan.

**“Gap Year”** bermaksud program yang dilaksanakan dalam jangka masa sehingga setahun untuk pelajar membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan, keusahawanan, bersukan dan sebagainya.

**“Gred”** bermaksud ukuran atau penilaian prestasi pelajar dalam sesuatu kursus atau peperiksaan.

**“Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time – SLT*)”** bermaksud masa pembelajaran berkesan atau usaha pelajar dalam proses pembelajaran atau jumlah masa pelaksanaan keseluruhan aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang digunakan untuk mencapai *Course Learning Outcomes (CLO)* yang ditetapkan. SLT merangkumi masa pelaksanaan semua aktiviti PdP sama ada dijalankan secara formal atau tidak formal. SLT sesuatu kursus terdiri daripada jumlah pembelajaran bersemuka (contohnya kuliah, tutorial, amali dan lain-lain), jam pembelajaran sendiri (contohnya persediaan pentaksiran, ulangkaji, tugas, projek) dan jam pentaksiran formal (contohnya pentaksiran berterusan dan peperiksaan akhir). Setiap kredit kursus mengambil kira nilai nosional 40 jam usaha atau masa pembelajaran pelajar.

**“Kredit”** bermaksud unit nilai yang diberikan bagi setiap kursus yang diambil.

**“Kredit Ambil”** bermaksud kredit yang diambil dalam sesuatu semester.

**“Kredit Dapat”** bermaksud kredit yang diperoleh atau dianugerahkan kepada pelajar selepas menamatkan sesuatu kursus, modul atau program.

**“Kredit Kira”** bermaksud kredit yang diambil kira dalam pengiraan jumlah kredit untuk sesuatu kelayakan akademik atau program pengajian.

**“Kuliah”** bermaksud semua aktiviti PdP yang diperlukan bagi ketetapan hasil pembelajaran dalam pelan pengajaran.

**“Kursus”** bermaksud komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri dan menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran pelajar yang diluluskan oleh Senat.

“**Majlis Peperiksaan Universiti (MPU)**” bermaksud majlis akademik yang diwakilkan Senat yang bertanggungjawab pada skop peperiksaan dan keputusan pelajar.

“**Massive Open Online Courses (MOOC)**” bermaksud kursus dalam talian bagi tujuan interaktif secara besar-besaran dan boleh diakses secara terbuka melalui laman sesawang. [Perlu rujuk bersama Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian *Massive Open Online Courses (MOOC)* Malaysia].

“**Mastautin**” bermaksud tempoh minimum pelajar menetap di institusi atau program pengajian tertentu.

“**Mata Pelajaran Umum (MPU)**” bermaksud kursus yang menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW), dan pelaksanaannya diseragamkan di semua institut Pengajian Awam atau Universiti Swasta.

“**Mesyuarat Fakulti (MF)**” bermaksud majlis akademik yang diwakilkan oleh Senat yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik di peringkat Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

“**Mod Program**” bermaksud mod penawaran sesuatu program pengajian di Universiti iaitu mod penawaran secara Kerja Kursus atau Mod Industri, atau secara Pesisir.

“**Nilai Gred**” bermaksud pencapaian gred pelajar bagi sesuatu kursus berdasarkan mata nilai.

“**Nilai Mata**” bermaksud ketetapan nilai bagi setiap gred.

“**Pelajar**” bermaksud seseorang pelajar mendaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, lepasan ijazah, atau lepasan kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti atau Kolej Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

“**Pelajar Kanan**” bermaksud pelajar yang telah melalui dan lulus sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti.

“**Pelajar Kemasukan Terus**” bermaksud laluan kemasukan bagi pelajar yang memenuhi kelayakan akademik tertentu dan diterima masuk terus ke peringkat pengajian tinggi tanpa perlu melalui program persediaan seperti matrikulasi atau asasi.

**“Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)”** bermaksud pertubuhan perbadanan, organisasi atau kumpulan orang lain yang mengendalikan program pendidikan tinggi atau latihan termasuk program latihan kemahiran yang membawa kepada penganugerahan kelayakan pendidikan tinggi atau yang menganugerahkan kelayakan pendidikan tinggi dan termasuklah pemberi pendidikan tinggi awam atau swasta, badan peperiksaan atau pensijilan atau wakil cawangannya. (Glosari Garis Panduan Pembangunan Program Akademik)

**“Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*)”** bermaksud pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang sama.

**“Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*)”** bermaksud pemindahan kredit daripada satu program ke program pada tahap yang lebih tinggi.

**“Penganugerahan”** bermaksud pengesahan Senat ke atas pelajar yang telah memenuhi syarat penganugerahan.

**“Penilaian”** bermaksud sebarang bentuk pengukuran pencapaian pelajar bagi kursus yang diambil.

**“Penangguhan Pengajian”** bermaksud status pelajar yang tidak mengikuti pengajian pada sesuatu semester atas sebab-sebab tertentu dengan kelulusan Universiti.

**“Pengecualian Kursus”** bermaksud jumlah kredit yang dikecualikan kepada pelajar dan perlu diganti dengan kursus lain atau ketetapan lain yang diluluskan oleh Senat bagi mencukupkan keperluan kredit bergraduat.

**“Penilaian Khas”** bermaksud penilaian khas ulangan bagi pelajar di peringkat akhir pengajian yang memerlukan hanya satu kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir untuk lulus bagi tujuan bergraduat atau menjalani Latihan Industri.

**“Peperiksaan Akhir”** bermaksud pentaksiran yang dijalankan pada penghujung sesuatu kursus atau program pengajian sebagai satu bentuk penilaian sumatif untuk mengukur hasil pembelajaran pelajar.

**“Pindah Pengajian”** bermaksud menjalani pengajian di Universiti asal dan menyambung pengajian di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah sehingga bergraduat.

**“Pra Diploma”** bermaksud program persediaan sebelum diploma yang ditawarkan kepada pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan kemasukan terus ke program diploma.

**“Pra-syarat”** bermaksud kursus yang perlu diambil atau lulus sebelum mengambil kursus yang berikutnya.

**“Program”** bermaksud susunan kursus yang distruktur untuk suatu tempoh dan peringkat pembelajaran tertentu bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang telah ditentukan dan lazimnya menjurus kepada penganugerahan suatu kelayakan.

**“Program Pesisir”** bermaksud program akademik yang dilaksanakan di luar daripada lokasi kampus utama institusi pengajian tinggi, sama ada di dalam atau luar negara.

**“Purata Nilai Gred (PNG)”** bermaksud purata nilai mata gred yang diperolehi bagi sesuatu semester.

**“Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)”** bermaksud purata himpunan nilai gred yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti.

**“Semester Khas”** bermaksud semester tambahan yang dibuka sebagai kemudahan kepada pelajar untuk menamatkan pengajian dalam tempoh lebih singkat atau menyelesaikan kursus yang tertunggak.

**“Semester Lazim”** bermaksud semester yang telah termaktub dalam struktur kurikulum program yang telah diluluskan oleh Senat.

**“Semester Pendek”** bermaksud semester pengajian yang dilaksanakan semasa cuti akhir sesi akademik.

**“Semester Permulaan”** bermaksud semester pertama di mana pelajar baharu bagi program Diploma memulakan pengajian di Universiti.

**“Senat”** bermaksud Senat Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

**“Sijil Tamat Pengajian”** bermaksud sijil yang diberikan kepada:

- (a) Pelajar daripada program Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda yang telah menamatkan pengajian atau yang telah memenuhi Kredit Dapat seperti yang telah ditetapkan dalam struktur kurikulum;
- (b) Pelajar daripada program Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda yang meninggal dunia tetapi telah mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kredit tamat kursus;
- (c) Semua pelajar yang telah menyelesaikan pengajian dan mendapat PNGK > 2.00; atau
- (d) Pelajar yang mengalami kecacatan kekal tetapi telah mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kredit tamat bergraduat.

**“Surat Tamat Pengajian”** bermaksud sijil yang diberikan kepada;

- (a) Semua pelajar yang menyelesaikan pengajian dan mendapat PNGK < 2.00.

**“Tempoh Pengajian”** bermaksud jangka masa minimum dan maksimum yang ditetapkan untuk melengkapkan sesuatu program pengajian tinggi.

**“Transkrip”** bermaksud penyata rasmi yang mengandungi keputusan peperiksaan sepanjang tempoh pengajian pelajar yang dikeluarkan oleh Universiti.

**“Ulang Kursus”** bermaksud kursus ulangan yang perlu diselesaikan oleh pelajar pada kursus yang telah gagal pada semester sebelumnya.

**“Universiti”** bermaksud Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

## BAHAGIAN II – TAHUN AKADEMIK

### Sesi Akademik

#### (1) Asasi

Sesi Akademik menggunakan sistem trisemester dan sistem ini terdiri daripada Semester I, Semester II dan Semester III. Setiap semester mengandungi 14 minggu termasuk kuliah, ulangkaji dan peperiksaan akhir.

**Jadual 1 : Program Asasi**

	JUMLAH MINGGU MENGIKUT SEMESTER			
	SEMESTER I	SEMESTER II	SEMESTER III	SEMESTER KHAS*
Kuliah	12	12	12	6
Ulangkaji	1	1	1	-
Peperiksaan Akhir	1	1	1	1
Jumlah	14	14	14	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>49</b>			

\* Semester Khas berdasarkan ketetapan atau kelulusan Majlis Peperiksaan Universiti (MPU)

#### (2) Pra Diploma

Sesi Akademik menggunakan SATU (1) semester sahaja. Sesi Akademik ini mengandungi 25 minggu termasuk kuliah, cuti pertengahan semester, ulangkaji dan peperiksaan akhir.

**Jadual 2 : Pra Diploma**

	JUMLAH MINGGU MENGIKUT SEMESTER
	SEMESTER I
Kuliah	20
Cuti Pertengahan Semester	2
Ulangkaji	1
Peperiksaan Akhir	2
Jumlah	25

(3) Diploma dan Sarjana Muda

Sesi Akademik menggunakan DUA (2) semester lazim iaitu Semester I dan Semester II. Setiap semester mengandungi 18 minggu termasuk kuliah, cuti pertengahan semester, ulangkaji dan peperiksaan akhir.

Di samping dua semester lazim di atas, Universiti juga mempunyai SATU (1) Semester Pendek yang mengandungi 9 minggu termasuk kuliah, ulangkaji dan peperiksaan akhir. Penawaran kursus pada Semester Pendek adalah tertakluk kepada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.

**Jadual 3 : Diploma dan Sarjana Muda**

	JUMLAH MINGGU MENGIKUT SEMESTER		
	SEMESTER I	SEMESTER II	SEMESTER PENDEK
Kuliah	14	14	7
Cuti Pertengahan Semester	1	1	-
Ulangkaji	1	1	1
Peperiksaan Akhir	2	2	1
Jumlah	18	18	9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>45</b>		

Bagi program Diploma, dimulakan dengan Semester Permulaan sebagai tambahan seperti jadual berikut:

**Jadual 4 : Semester Permulaan**

	SEMESTER PERMULAAN (MINGGU)
Kuliah	7
Ulangkaji	1
Peperiksaan Akhir	1
Jumlah	9

Sesi Akademik bagi program akademik secara kerjasama dengan PPT lain adalah tertakluk kepada perjanjian kerjasama yang ditandatangani.

**Jadual 5 : Program Pesisir (Asasi)**

	<b>JUMLAH MINGGU MENGIKUT SEMESTER</b>			
	<b>SEMESTER I</b>	<b>SEMESTER II</b>	<b>SEMESTER III</b>	<b>SEMESTER KHAS*</b>
Kuliah	12	12	12	6
Ulangkaji	1	1	1	-
Peperiksaan Akhir	1	1	1	1
Jumlah	14	14	14	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>49</b>			

\* Semester Khas berdasarkan ketetapan atau kelulusan Majlis Peperiksaan Universiti (MPU)

**Jadual 6 : Program Pesisir (Diploma dan Sarjana Muda)**

	<b>JUMLAH MINGGU MENGIKUT SEMESTER</b>		
	<b>SEMESTER I</b>	<b>SEMESTER II</b>	<b>SEMESTER PENDEK</b>
Kuliah	14	14	7
Cuti Pertengahan Semester	1	1	-
Ulangkaji	1	1	1
Peperiksaan Akhir	2	2	1
Jumlah	18	18	9
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>45</b>		

## **BAHAGIAN III – PENDAFTARAN PROGRAM**

### **PENDAFTARAN PROGRAM**

- (1) Calon pelajar hendaklah mendaftar program yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Calon pelajar yang gagal mematuhi Bahagian III Perkara (1) tanpa sebab yang boleh diterima oleh Universiti, dengan sendirinya penawaran program kepadanya adalah terbatal.

## **BAHAGIAN IV – PENDAFTARAN KURSUS**

### **(1) Pendaftaran Kursus**

- (a) Semua pelajar yang berstatus Aktif diwajibkan mendaftar kursus pada setiap semester dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Universiti.
- (b) Kegagalan pelajar mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Universiti akan menyebabkan pelajar diberhentikan daripada pengajian.
- (c) Pelajar hendaklah mendaftar kursus dengan kod kursus yang betul atau setara berdasarkan struktur kurikulum program sama ada kursus tersebut ditawarkan oleh fakulti pelajar atau fakulti lain dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Universiti.
- (d) Pelajar hendaklah membuat pra pendaftaran kursus dengan menggunakan kaedah dalam talian mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Universiti kecuali bagi program Asasi, Pra Diploma, Ijazah Dual dan lain-lain program yang dibenarkan oleh Universiti.
- (e) Pelajar adalah bertanggungjawab mendaftar dan menyemak setiap kursus yang diambil pada sesuatu semester dengan betul, bagi maklumat berikut iaitu kod dan nama kursus, seksyen serta status kursus berkenaan seperti Ulang Kursus (UK), Baiki Gred (BG) dan lain-lain.
- (f) Pelajar yang telah terputus pengajian disebabkan penangguhan pengajian atau pengantungan pengajian, hendaklah mendaftar kursus di fakulti dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

### **(2) Tambah Kursus**

- (a) Pelajar dibenarkan untuk tambah kursus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (b) Bagi pendaftaran kursus melebihi 20 kredit, pelajar perlu mendapatkan kelulusan Dekan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut.
- (c) Sebarang permohonan untuk tambah kursus lewat selain dari yang dibenarkan oleh Universiti akan dikenakan denda.

- (d) Tempoh pendaftaran kursus lewat dan kadar denda seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 7 : Kadar Denda bagi Pendaftaran Kursus Lewat  
(Semester Lazim)**

Minggu	Kadar Denda
1 - 2	Tiada
3 - 9	RM100/kursus (Maks. RM400)
10 - 14	Tidak dibenarkan mendaftar kursus

*Nota: Jadual ini tidak terguna pakai untuk pelajar yang disekat di dalam sistem dengan alasan masih berhutang.*

**Jadual 8 : Kadar Denda bagi Pendaftaran Kursus Lewat  
(Semester Pendek dan Permulaan)**

Minggu	Kadar Denda
1 - 2	Tiada
3 - 5	RM100/kursus (Maks. RM400)
5 - 7	Tidak dibenarkan mendaftar kursus

*Nota: Jadual ini tidak terguna pakai untuk pelajar yang disekat di dalam sistem dengan alasan masih berhutang.*

- (e) Pelajar yang gagal membuat sebarang pendaftaran kursus setelah tamat tempoh pendaftaran lewat berdenda boleh diberhentikan dari pengajian, kecuali atas sebab-sebab yang dapat diterima oleh Universiti.
- (3) Gugur Kursus (GK)
- (a) Tempoh Gugur Kursus (GK) bagi semester lazim ialah dari minggu pertama hingga minggu kesembilan (9) kuliah semester berkenaan. Pelajar yang membuat permohonan Gugur Kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Universiti akan dikenakan denda.
- (b) Tempoh Gugur Kursus bagi semester pendek adalah bermula pada minggu pertama hingga minggu keempat (4) kuliah semester

berkenaan. Selepas tarikh ini, permohonan untuk Gugur Kursus adalah tidak dibenarkan.

- (c) Pelajar yang membuat permohonan Gugur Kursus lewat daripada tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh dikenakan denda dengan kadar seperti dalam berikut:

**Jadual 9 : Kadar Denda bagi Gugur Kursus Lewat (Semester Lazim)**

Minggu	Kadar Denda
1 - 9	Tiada
10	RM100/kursus (Maks. RM400)
11 - 14	Tidak dibenarkan Gugur Kursus

*Nota: Jadual ini tidak terguna pakai untuk pelajar yang disekat di dalam sistem dengan alasan masih berhutang.*

**Jadual 10 : Kadar Denda bagi Gugur Kursus Lewat (Semester Pendek dan Permulaan)**

Minggu	Kadar Denda
1 - 4	Tiada
5 - 7	Tidak dibenarkan mendaftar kursus

*Nota: Jadual ini tidak terguna pakai untuk pelajar yang disekat di dalam sistem dengan alasan masih berhutang.*

- (d) Segala urusan berkaitan pembayaran adalah merujuk kepada Peraturan Kewangan Universiti yang sedang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
- (4) Pendaftaran Kurus Hadir Wajib (HW)
- (a) Pelajar dikehendaki mengulang Kursus Hadir Wajib (HW) yang gagal sehingga lulus.
- (b) Kredit kursus yang didaftarkan dengan status HW tidak diambil kira dalam pengiraan nilai gred. Pelajar yang mendaftar kursus HW

hendaklah memenuhi keperluan kehadiran dan mengikut segala bentuk penilaian.

- (c) Rekod HW akan dicatat dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip.
- (d) Gred bagi kursus HW adalah Hadir Lulus (HL) atau Hadir Gagal (HG) dan gred tersebut akan dicatatkan dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip pelajar.

(5) Pendaftaran Ulang Kursus (UK)

- (a) Pelajar yang gagal kursus dalam struktur kurikulum, hendaklah mengulang kursus tersebut sehingga lulus, kecuali program Pra Diploma.
- (b) Pelajar yang gagal kursus elektif dan kursus ko-kurikulum hendaklah mengulang kursus tersebut atau boleh mengambil kursus yang setara sehingga lulus.
- (c) Rekod Ulang Kursus akan dicatatkan dalam rekod pendaftaran kursus dan transkrip akademik pelajar.
- (d) Pelajar program Ijazah Dual atau apa-apa program yang bersifat kerjasama akademik adalah tertakluk kepada syarat mengulang kursus untuk program tersebut.
- (e) Pelajar boleh mengulang kursus pada mana-mana semester yang menawarkan kursus berkenaan.

(6) Pendaftaran Kursus Baiki Gred (BG)

- (a) Pelajar yang mendapat gred C- dan ke bawah dibenarkan mengambil semula kursus bagi tujuan membaiki gred.
- (b) Manakala bagi tujuan baiki gred kursus pelajar program-program tertentu seperti program kerjasama akademik adalah tertakluk kepada ketentuan yang diluluskan oleh Senat Universiti.
- (c) Rekod pendaftaran kursus Baiki Gred akan dicatatkan dan gred terkini akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

(7) Pendaftaran Kursus Latihan Industri

- (a) Bagi pendaftaran kursus Latihan Industri pada semester akhir pengajian, pelajar hendaklah lulus semua kursus yang ditawarkan dalam struktur kurikulum program. Pendaftaran kursus Latihan Industri bersama kursus lain adalah tidak dibenarkan. Sekiranya berlaku, pendaftaran kursus Latihan Industri akan dibatalkan.
- (b) Pelajar yang gagal SATU (1) kursus boleh mengambil dan lulus peperiksaan khas bagi kursus tersebut sebelum mendaftar kursus Latihan Industri.
- (c) Bahagian IV Perkara (7)(a) tidak terpakai bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri pada pertengahan semester.

(8) Pendaftaran Kursus *Work Based Learning (WBL)*

- (a) *WBL* adalah kursus dalam struktur kurikulum program biasa dan pendaftaran kursus adalah mengikut jadual pendaftaran kursus [Bahagian IV Perkara (1 hingga 6)]

(9) Pendaftaran Kursus Secara Anjal

- (a) Pendaftaran kursus secara anjal adalah mengikut sepertimana garis panduan terkini daripada Badan Akreditasi/Agensi dan tertakuluk kepada kelulusan Senat Universiti.

## BAHAGIAN V – SKIM KREDIT

### (1) Kredit Kursus dan Nilai Kredit

- (a) Setiap kursus mempunyai nilai kredit dan pengiraan nilai kredit adalah berdasarkan Jam Pembelajaran Pelajar (*SLT*) atau mengikut keperluan program yang diluluskan oleh Senat Universiti.
- (b) Secara lazimnya, setiap kredit kursus mengambil kira nilai nosional 40 jam usaha atau masa pembelajaran pelajar.

### (2) Beban Kredit Maksimum

- (a) Beban kredit maksimum bagi pelajar sepenuh masa dan separuh masa pada setiap semester adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 11 : Beban Kredit Maksimum bagi Pendaftaran Kursus**

Mod Pengajian	Semester	Beban Kredit Maksimum*
Sepenuh Masa	Lazim	20
	Pendek/Permulaan	12
Separuh Masa	Lazim	12
	Pendek/Permulaan	7

\* Kredit maksimum ini adalah tertakluk kepada struktur kurikulum program semasa

- (b) Tiada had kredit minimum ditetapkan bagi sesuatu pendaftaran kursus pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya SATU (1) kursus di dalam sesuatu semester lazim.
- (c) Pelajar yang mendapat keputusan PNGK <2.00 (Status kedudukan semester semasa adalah P1 atau P2) hendaklah mengambil tidak lebih daripada 12 kredit pada semester semasa.
- (d) Pelajar dibenarkan mendaftar kursus lebih daripada kredit maksimum dengan kebenaran Dekan berdasarkan ketetapan badan akreditasi yang berkuatkuasa.

### (3) Kredit Ulang Kursus (UK)

- (a) Bagi pelajar yang mengulang kursus (UK), gred lulus terkini akan menggantikan gred gagal terdahulu.

- (b) Bagi tujuan pengiraan nilai gred, mata nilai terkini kursus yang diulang akan diambil kira dan nilai mata terdahulu dimansuhkan.
- (4) Kredit Baiki Gred (BG)
- (a) Bagi pelajar yang mengulang kursus bagi memperbaiki gred (Gred C-dan ke bawah), gred terkini akan menggantikan gred terdahulu.
- (b) Bagi tujuan pengiraan nilai gred, mata nilai terkini kursus yang diperbaiki akan diambil kira, dan mata nilai terdahulu dimansuhkan.
- (5) Kredit Minimum Program dan Tempoh Pengajian
- (a) Kredit minimum program dan tempoh pengajian bagi program sepenuh masa dan separuh masa adalah seperti berikut:

**Jadual 12 : Kredit Minimum Program dan Tempoh Pengajian Lazim**

<b>Mod Pengajian</b>	<b>Peringkat Pengajian</b>	<b>Kredit Minimum</b>	<b>Tempoh Pengajian Lazim (Semester)*</b>
Sepenuh Masa	Asasi	50	3
	Pra Diploma	50	2
	Diploma	90	5 – 6
	Sarjana Muda	120	7 – 8
Separuh Masa	Diploma	90	8
	Sarjana Muda	120	10

*\* Tempoh pengajian sebenar adalah tertakluk kepada ketetapan Senat atau badan akreditasi berkaitan*

- (b) Bagi pelajar yang melebihi tempoh pengajian lazim, pelajar masih boleh meneruskan pengajian tertakluk kepada kurikulum yang ditetapkan, Peraturan Kewangan Universiti serta Perlembagaan Universiti
- (c) Bagi program kerjasama akademik Universiti, ketetapan kredit minimum, tempoh pengajian minimum dan tempoh pengajian lazim adalah bergantung kepada perjanjian yang dipersetujui oleh institusi yang berkenaan.
- (d) Universiti berhak menetapkan kursus yang disetarakan untuk diambil oleh pelajar yang melebihi tempoh pengajian sebenar sekiranya kursus yang berbaki tidak ditawarkan lagi.

## BAHAGIAN VI – PEMINDAHAN KREDIT DAN PENGECUALIAN KREDIT

- (1) Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*)
- (a) Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*) adalah seperti berikut:
- (i) Pemindahan kredit daripada MQF Tahap 3 (Sijil) ke MQF Tahap 4 (Diploma) dibenarkan sehingga maksimum 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti atau mana-mana ketetapan badan akreditasi.
  - (ii) Pemindahan kredit daripada MQF Tahap 4 (Diploma) ke MQF Tahap 6 (Sarjana Muda) dibenarkan sehingga maksimum 50% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti atau mana-mana ketetapan badan akreditasi seperti jadual berikut:

<b>Peratusan Pindah Kredit (%)</b>	<b>Gred Minimum Kursus</b>
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

- (iii) Pelajar yang berkelayakan MQF Tahap 5 (*Advanced Diploma* atau *Diploma Lanjutan*) yang turut mempunyai MQF Tahap 4 (Diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian program peringkat Sarjana Muda atau mana-mana ketetapan badan akreditasi.
- (iv) Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah adalah tidak dibenarkan.
- (v) Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*) mengambil kira kredit sahaja.
- (vi) Pemindahan kredit yang melibatkan kursus MPU perlu merujuk kepada ketetapan garis panduan yang berkuatkuasa.
- (vii) Pelajar boleh memohon pemindahan kredit secara menegak (*Vertical*) berasaskan pengalaman tertakluk kepada pengesahan pihak fakulti.

- (b) Pelajar boleh memohon Pemindahan Kredit Secara Menegak (*Vertical*) sesuatu kursus dengan syarat:
- (i) Pemindahan kredit hendaklah dimohon pada semester pertama pengajian kecuali dengan kebenaran Dekan;
  - (ii) Kursus berkenaan adalah daripada program yang setara dengan program yang bakal diikuti;
  - (iii) Kesetaraan antara kandungan kursus atau hasil pembelajaran hendaklah tidak kurang daripada 80%;
  - (iv) Gred minimum bagi pemindahan kredit kursus adalah gred C atau tertakluk kepada ketetapan semasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
  - (v) Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya setara dengan nilai kredit kursus yang dimohon. DUA (2) atau lebih kursus boleh digabungkan untuk mendapatkan nilai kredit yang setara; dan
  - (vi) Kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit hendaklah daripada program pengajian yang telah mendapat perakuan badan akreditasi.

(2) Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*)

- (a) Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*) adalah seperti berikut:
- (i) Semua kursus yang diambil oleh pelajar di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) lain sewaktu menjalani program mobiliti berkredit boleh dipindahkan kredit dengan gred yang setara.
  - (ii) Pemindahan kredit tidak dibenarkan bagi pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki.
  - (iii) Pemindahan kredit dibenarkan bagi pelajar yang sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti.
  - (iv) Tiada had pemindahan kredit bagi pertukaran program di dalam Universiti yang sama.

- (v) Had pemindahan kredit bagi pelajar daripada PPT yang lain ke Universiti, adalah tertakluk kepada syarat pemastautin pelajar mengikut ketetapan badan akreditasi seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Tempoh Mastautin
Sijil Asasi	1 semester
Diploma	
Sarjana Muda	

- (vi) Tempoh mastautin selama SATU (1) semester tersebut mesti melibatkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) tidak termasuk latihan industri, mobiliti atau setara.
- (vii) Pemindahan kredit (termasuk kursus MPU) adalah tidak dibenarkan bagi pelajar yang gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama.
- (viii) Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan bagi pelajar yang berhenti pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi dalam program lain di peringkat yang sama.
- (ix) Pemindahan kredit yang melibatkan kursus MPU perlu merujuk kepada ketetapan garis panduan yang berkuatkuasa.
- (x) Pelajar boleh memohon pemindahan kredit secara mendatar (*Horizontal*) berasaskan pengalaman tertakluk kepada pengesahan pihak fakulti.
- (c) Pelajar boleh memohon Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*) sesuatu kursus dengan syarat:
- (i) Pemindahan kredit hendaklah dimohon pada semester pertama pengajian kecuali dengan kebenaran Dekan;
  - (ii) Kursus berkenaan adalah daripada program yang setara dengan program yang bakal diikuti;
  - (iii) Kesetaraan antara kandungan kursus atau hasil pembelajaran hendaklah tidak kurang daripada 80%;

- (iv) Gred minimum bagi pemindahan kredit kursus adalah gred C atau tertakluk kepada ketetapan semasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
  - (v) Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*) diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;
  - (vi) Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya setara dengan nilai kredit kursus yang dimohon. DUA (2) atau lebih kursus boleh digabungkan untuk mendapatkan nilai kredit yang setara; dan
  - (vii) Kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit hendaklah daripada program pengajian yang telah mendapat perakuan badan akreditasi.
- (c) Jumlah maksimum pemindahan kredit hendaklah tertakluk kepada ketetapan badan akreditasi yang berkenaan.
- (3) Pemindahan Kredit bagi Penganugerahan Kredit (*APEL-C*), *Massive Open Online Courses (MOOC)*, dan *Microcredential (MC)*
- (a) Pemindahan Kredit bagi Penganugerahan Kredit (*APEL-C*), *Massive Open Online Courses (MOOC)*, dan *Microcredential (MC)* adalah seperti berikut:
- (i) Pemindahan kredit boleh dilakukan secara menegak (mengambil kira kredit sahaja) dan mendatar (mengambil kira kredit dan gred).
  - (ii) Pemindahan kredit tidak boleh dikira DUA (2) kali bagi peringkat pengajian yang seterusnya. Sebagai contoh *MOOC* yang sama yang telah diberikan pemindahan kredit secara *MOOC* pada peringkat Diploma tidak dapat dipertimbangkan semula untuk program lain di peringkat yang lebih tinggi.
  - (iii) Jumlah pemindahan kredit mendatar ialah tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit bergraduat.
  - (iv) Pemindahan kredit maksimum 70% adalah dibenarkan bagi gabungan pemindahan kredit yang melibatkan kelayakan akademik, *APEL-C*, *MOOC* dan *MC*. Manakala bagi *SAMC (Stand Alone Microcredential)*, pemindahan kredit yang dibenarkan adalah 30% dengan kelulusan Pusat Verifikasi Kualiti

(QVC – *Quality Verification Center*). Pemindahan kredit bagi penganugerahan kredit melalui kaedah *APEL-C* dan *Credit Transfer MOOC (CTM)* untuk kursus berbentuk *MOOC* dan *MC*.

- (b) Pelajar boleh memohon bagi Penganugerahan Kredit (*APEL-C*), *Massive Open Online Courses (MOOC)*, dan *Microcredential (MC)* sesuatu kursus dengan syarat:
- (i) Pemindahan kredit hendaklah dimohon pada semester pertama pengajian kecuali dengan kebenaran Dekan;
  - (ii) Kursus berkenaan adalah daripada program yang setara dengan program yang bakal diikuti;
  - (iii) Kesetaraan antara kandungan kursus atau hasil pembelajaran hendaklah tidak kurang daripada 80%. Bagi kesetaraan *APEL-C*, peratusan yang dibenarkan adalah 50% dan ke atas;
  - (iv) Gred minimum bagi pemindahan kredit kursus adalah gred C atau tertakluk kepada ketetapan semasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut;
  - (v) Pemindahan Kredit Secara Mendatar (*Horizontal*) diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK;
  - (vi) Nilai kredit kursus bagi program terdahulu hendaklah sekurang-kurangnya setara dengan nilai kredit kursus yang dimohon. DUA (2) atau lebih kursus boleh digabungkan untuk mendapatkan nilai kredit yang setara;
  - (vii) Kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit hendaklah daripada program pengajian yang telah mendapat perakuan badan akreditasi; dan
  - (viii) Semua kursus yang diambil oleh pelajar di PPT lain sewaktu menjalani program mobility hendaklah dipindahkan kredit dengan gred yang setara.
- (c) Bagi panduan (*APEL-C*), *Massive Open Online Courses (MOOC)*, dan *Microcredential (MC)* adalah tertakluk kepada polisi dan garis panduan badan akreditasi/agensi serta kelulusan Senat.

## BAHAGIAN VII – SISTEM GRED

- (1) Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi seperti dalam Jadual 13. Hubungan antara markah, gred dengan mata nilai juga adalah seperti berikut.

**Jadual 13 : Petunjuk Prestasi**

Markah	Gred Lazim	Mata Nilai
80 – 100	A	4.00
75 – 79	A-	3.67
70 – 74	B+	3.33
65 – 69	B	3.00
60 – 64	B-	2.67
55 – 59	C+	2.33
50 – 54	C	2.00
47 – 49	C-	1.67
44 – 46	D+	1.33
40 – 43	D	1.00
25 – 39	E	0.67
0 – 24	F	0.00

- (2) Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus Hadir Wajib ditunjukkan oleh Petunjuk Prestasi seperti dalam Jadual 14. Hubungan antara markah, gred dengan mata nilai juga adalah seperti berikut.

**Jadual 14 : Petunjuk Prestasi (Kursus Hadir Wajib)**

Markah	Gred Lazim	Mata Nilai
40 – 100	Hadir Lulus (HL)	0.00
0 – 39	Hadir Gagal (HG)	0.00

- (3) Secara amnya, gred lulus minimum bagi sesuatu kursus pengiraan nilai gred ialah 'D'. Walau bagaimanapun, gred lulus untuk sesuatu kursus adalah tertakluk kepada fakulti dengan kelulusan Senat.
- (a) Bagi program ijazah dual, gred lulus minimum bagi semua kursus tertakluk kelulusan Senat Universiti.
- (b) Markah lulus bagi sesuatu kursus berdasarkan hasil pembelajaran adalah 50% atau mana-mana ketetapan Fakulti/Pusat.

(4) Selain daripada gred di atas, gred berikut juga digunakan:

(a) Tidak Selesai (TS)

Gred ini diberikan kepada pelajar yang:

- (i) Tidak dapat mengambil peperiksaan akhir atau tidak melengkapkan sesuatu kursus kerana disahkan sakit oleh pegawai perubatan yang diiktiraf oleh Universiti; atau
- (ii) Belum melengkapkan Kursus Latihan Industri; atau
- (iii) Mengikut kursus yang mempunyai tempoh lebih daripada SATU (1) semester; atau
- (iv) Diberikan kepada pelajar yang terlibat dalam kes kecurangan akademik berkaitan penilaian pelajar dalam tempoh perbicaraan kes; atau
- (v) Pelajar yang mendapat gred TS hendaklah melengkapkan sesuatu kursus pada semester berikutnya (status aktif); atau
- (vi) Lain-lain alasan yang diterima oleh Senat.

(b) Hadir Lulus (HL)

Gred ini diberikan kepada pelajar yang telah lulus Kursus Hadir Wajib (HW) sahaja.

(c) Hadir Gagal (HG)

Gred ini diberikan kepada pelajar yang telah gagal Kursus Hadir Wajib (HW).

(d) Pengiraan PNG dan PNGK ditentukan mengikut kaedah seperti di bawah.

Purata Nilai Gred (PNG)

Jumlah Mata Nilai (nilai gred x jam Kredit Kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan Kredit Kira bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester.

Rumusan pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

Yang mana:

- $G_i$  = Nilai gred Kursus ke- $i$
- $U_i$  = Jam kredit Kira Kursus ke- $i$
- $n$  = Bilangan Kursus yang telah diikuti pada satu-satu semester
- $i$  = Subskrip

Contoh				
SEMESTER 1				
Kod	Gred	Nilai Gred	Kredit	Nilai Gred x Jumlah Kredit
DCI2042	A	4.00	2	8.00
UHL2012	A-	3.67	2	7.34
DCS2032	B+	3.33	2	6.66
DCC2044	A-	3.67	4	14.68
DCN2022	B-	2.67	2	5.34
DCS2022	A	4.00	2	8.00
UHM2012	A-	3.67	2	7.34
<b>Jumlah</b>			<b>16</b>	<b>57.36</b>
Kredit Ambil	:	16		
Kredit Kira	:	16		
<b>Pengiraan</b>	:	<u>57.36</u>		
		16		
<b>PNG Semester</b>	:	<b>3.59</b>		

Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai jam x jam kredit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti.

<b>Contoh</b>				
<b>SEMESTER 1</b>				
<b>Kod</b>	<b>Gred</b>	<b>Nilai Gred</b>	<b>Kredit</b>	<b>Nilai Gred x Jumlah Kredit</b>
DCI2042	A	4.00	2	8.00
UHL2012	A-	3.67	2	7.34
DCS2032	B+	3.33	2	6.66
DCC2044	A-	3.67	4	14.68
DCN2022	B-	2.67	2	5.34
DCS2022	A	4.00	2	8.00
UHM2012	A-	3.67	2	7.34
<b>Jumlah</b>			<b>16</b>	<b>57.36</b>
Kredit Ambil	:	16		
Kredit Kira	:	16		
<b>SEMESTER 2</b>				
<b>Kod</b>	<b>Gred</b>	<b>Nilai Gred</b>	<b>Kredit</b>	<b>Nilai Gred x Jumlah Kredit</b>
DCM2032	B	3.00	2	6.00
DCI2052	B+	3.33	2	6.66
UHR2012	A	4.00	2	8.00
DCC2054	A-	3.67	4	14.68
DCS2023	B-	2.67	3	8.01
<b>Jumlah</b>			<b>13</b>	<b>43.35</b>
Kredit Ambil	:	13		
Kredit Kira	:	13		
Mata Nilai				
Keseluruhan	:	29	100.71	
Pengiraan	:	<u>100.71</u>		
		29		
<b>PNGK</b>	:	<b>3.47</b>		

## BAHAGIAN VIII – PENILAIAN

### (1) Kehadiran Penilaian Pembelajaran

- (a) Pelajar diwajibkan menghadiri penilaian pembelajaran yang ditetapkan.
- (b) Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan hasil penilaian pembelajaran tercapai.
- (c) Pelajar hendaklah memohon kelulusan daripada staf akademik berkaitan sebelum menghadiri sebarang aktiviti lain yang boleh menjejaskan proses penilaian pembelajaran kursus yang berkaitan.

### (2) Skim Penilaian

- (a) Penilaian bagi setiap kursus boleh dibuat secara berkala dan secara berterusan dalam sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan fakulti tertakluk kepada kelulusan Senat.

### (3) Kecurangan Akademik

Sebarang aktiviti kecurangan akademik adalah dilarang dan pelajar yang didapati bersalah akan dikenakan tindakan tatatertib di bawah kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-pelajar 2024).

- (a) Pelajar dianggap melakukan kecurangan akademik dalam pembelajaran jika didapati:
  - (i) Mengambil hasil kerja orang lain dan mengaku sebagai hasil kerja diri sendiri dengan tidak menyatakan sumber rujukan di dalam tugas; atau
  - (ii) Melakukan penyalinan secara langsung, pengungkapan semula dan peringkasan; atau
  - (iii) Mengupah atau mewakilkan pelajar lain atau pihak lain untuk melaksanakan tugas pembelajaran bagi pihaknya secara bersemuka atau dalam talian; atau
  - (iv) Persamaan hasil kerja dengan sumber rujukan adalah melebihi tahap yang ditentukan oleh fakulti.

- (b) Pelajar dianggap melakukan kecurangan akademik dalam peperiksaan jika didapati:
- (i) Membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain ke dalam bilik peperiksaan melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan;
  - (ii) Membawa apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain keluar dari bilik peperiksaan tanpa kebenaran penyelia peperiksaan kecuali buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain yang telah terlebih dahulu dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik peperiksaan di bawah Bahagian VIII Perkara (3)(b)(i).
  - (iii) Menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar, peranti elektronik atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa berada di dalam bilik peperiksaan melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan; atau
  - (iv) Menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas mana-mana bahagian tubuh badannya, pakaiannya atau benda lain; atau
  - (v) Berkomunikasi dengan mana-mana pelajar atau orang lain semasa sesuatu peperiksaan sedang berjalan melalui apa-apa jua cara, melainkan jika dibenarkan oleh penyelia peperiksaan; atau
  - (vi) Menipu atau meniru, cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru, atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru, dalam sesuatu peperiksaan.

(4) Peperiksaan Akhir

- (a) Pelajar yang layak, wajib mengambil peperiksaan akhir. Ketidakhadiran untuk peperiksaan akhir tanpa alasan yang diterima oleh Universiti menyebabkan pelajar diberi gred Gagal (F) bagi kursus berkenaan dan pelajar perlu mengulang semula kursus tersebut.
- (b) Pelajar hendaklah mematuhi Peraturan Peperiksaan Akhir yang telah ditetapkan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pelajar yang melanggar mana-mana arahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

(Sila rujuk Peraturan Peperiksaan Akhir Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang berkuatkuasa)

(5) Peperiksaan Khas

(a) Peperiksaan khas boleh diadakan berdasarkan:

- (i) Pelaksanaan I  
Peperiksaan khas bagi pelajar yang tidak hadir peperiksaan di minggu peperiksaan kerana sebab-sebab yang dibenarkan oleh Universiti.
- (ii) Pelaksanaan II  
Peperiksaan khas ulangan bagi pelajar di peringkat akhir pengajian yang memerlukan hanya satu kursus untuk Lulus bagi tujuan bergraduat atau menjalani Latihan Industri atau *WBL*. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini tidak terpakai bagi pelajar yang terlibat dengan tribunal atau kecurangan akademik.
- (iii) Pelaksanaan III  
Peperiksaan khas dibenarkan bagi pelajar program Asasi yang mempunyai satu kursus Gagal bagi tujuan tamat pengajian. Walaubagaimanapun, pelajar akan diberikan maksimum gred C bagi kursus tersebut sekiranya pelajar lulus. Sekiranya pelajar masih gagal, pelajar perlu mengulang kursus berkenaan pada semester berikutnya sehingga lulus.

(Sila rujuk Peraturan Peperiksaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah yang berkuatkuasa)

(6) Penilaian Khas

Penilaian khas ulangan bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir boleh diadakan di peringkat akhir pengajian pelajar yang memerlukan hanya satu kursus untuk Lulus bagi tujuan bergraduat atau menjalani Latihan Industri tertakuluk kepada kelulusan Mesyuarat Fakulti. Elemen penilaian major/utama/akhir yang hampir setara dengan peperiksaan akhir yang dinilai secara individu sekurang-kurangnya 30% dan jenis penilaian tersebut ditentukan oleh fakulti.

(7) Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir

Pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus boleh membuat rayuan semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.

- (a) Pelajar boleh membuat rayuan semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir di fakulti bagi mana-mana kursus dalam tempoh tujuh (7) hari selepas gred diumumkan atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.
  - (b) Semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir oleh pemeriksa kedua bagi memastikan bahawa tidak terdapat kesilapan teknikal (kesilapan pengiraan, kesilapan penjumlahan markah dan tertinggal sesuatu bahagian dari diperiksa) termasuk sekiranya terdapat jawapan yang tidak dinilai, panel pemeriksa kedua boleh memberikan markah berdasarkan kepada skema jawapan yang telah diperakukan.
  - (c) Pelajar boleh merujuk kepada Peraturan Peperiksaan Akhir yang dikeluarkan oleh Universiti untuk maklumat lanjut.
- (8) Bagi kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir, semakan hendaklah dibuat kepada elemen penilaian major/utama/akhir yang hampir setara dengan peperiksaan akhir yang dinilai secara individu sekurang-kurangnya 30% dan jenis penilaian tersebut ditentukan oleh fakulti.

## BAHAGIAN IX – KEDUDUKAN AKADEMIK

(1) Kedudukan Akademik

- (a) Kedudukan akademik pelajar ditentukan dengan menggunakan PNG dan PNGK.
- (b) Status kedudukan akademik pelajar ditentukan pada setiap semester lazim dengan menggunakan PNGK seperti dalam Jadual 15.

**Jadual 15 : Kedudukan Akademik**

Pencapaian Pelajar		Status
1	$\text{PNGK} \geq 3.67$	Kedudukan Cemerlang (KC)
2	$2.00 \leq \text{PNGK} < 3.67$	Kedudukan Baik (KB)
3	Status Semasa "KC" atau "KB" dan $1.67 \leq \text{PNGK} < 2.00$	Pemulihan 1 (P1)
4	Status Semasa P1 dan $1.67 \leq \text{PNGK} < 2.00$	Pemulihan 2 (P2)
5	Status Semasa P2 dan $\text{PNGK} < 2.00$	Kedudukan Gagal (KG) (Pelajar diberhentikan)
6	$\text{PNGK} < 1.67$	Kedudukan Gagal (KG) (Pelajar diberhentikan)
7	Pelajar yang mendapat $\text{PNG} < 1.00$ walaupun $\text{PNGK} \geq 1.67$ , dengan kelulusan Senat boleh: <ul style="list-style-type: none"><li>• Meneruskan pengajian; atau</li><li>• Diarah menangguhkan pengajian pada semester berikutnya; atau</li><li>• Diberhentikan daripada pengajian.</li></ul>	

- (c) Status kedudukan akademik pelajar untuk semester pendek tidak ditentukan walaupun PNG dan PNGK dikira seperti biasa, kecuali bagi program-program tertentu yang telah ditetapkan oleh Universiti. Kredit dan mata nilai yang diperolehi pada semester pendek ini akan diambil kira bagi pengiraan PNGK pada semester berikutnya.

## **BAHAGIAN X – SENARAI KEPUJIAN DEKAN**

- (1) Pelajar akan tersenarai dalam senarai Kepujian Dekan sekiranya memenuhi syarat berikut:
  - (a) Mendapat PNG  $\geq 3.50$  pada semester berkenaan; dan
  - (b) Mendaftar sekurang-kurangnya dua belas (12) jam kredit tidak termasuk kursus berstatus Hadir Wajib (HW).

## **BAHAGIAN XI – PENGANUGERAHAN DAN TAMAT PENGAJIAN**

### **(1) Syarat Penganugerahan Diploma**

Pelajar hanya layak menerima setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Telah memenuhi kredit bergraduat;
- (b) Mencapai PNGK  $\geq 2.00$
- (c) Syarat-syarat lain yang ditetapkan; dan
- (d) Telah mendapat kelulusan Senat

### **(2) Syarat Penganugerahan Sarjana Muda**

Pelajar hanya layak menerima setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Telah memenuhi kredit bergraduat;
- (b) Mencapai PNGK  $\geq 2.00$
- (c) Syarat-syarat lain yang ditetapkan antaranya syarat kelayakan kemasukan bagi Bahasa Inggeris seperti MUET/TOEFL/IELTS dan setaraf; dan
- (d) Telah mendapat kelulusan Senat.

### **(3) Syarat Tamat Pengajian Asasi dan Pra Diploma**

Pelajar hanya layak menerima setelah syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) Telah memenuhi kredit tamat pengajian;
- (b) Mencapai PNGK  $\geq 2.00$
- (c) Syarat-syarat lain yang ditetapkan; dan
- (d) Telah mendapat kelulusan Senat.

### **(4) Pemohonan Penangguhan Penganugerahan**

- (a) Pelajar dibenarkan untuk menangguh penganugerahan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti bagi tujuan memperbaiki gred kursus yang telah diambil.
- (b) Tempoh penangguhan penganugerahan tidak melebihi SATU (1) semester pengajian akademik.
- (c) Pelajar yang memohon penangguhan penganugerahan perlu mendaftar kursus yang bakal diambil pada semester berikutnya mengikut tempoh yang telah ditetapkan oleh Universiti.

(5) Penganugerahan Anumerta

- (a) Penganugerahan Diploma atau Sarjana Muda kepada pelajar yang meninggal dunia semasa dalam pengajian dan layak dianugerahkan bagi program yang didaftar tertakluk kepada kelulusan Senat.
- (b) Syarat-syarat Penganugerahan Anumerta:
- (i) Sekurang-kurangnya mencapai PNGK > 2.00 ke atas; dan
  - (ii) Mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kredit bergraduasi dan tahap hasil pembelajaran program yang memuaskan.

(6) Penganugerahan Aegrotat

- (a) Penganugerahan Diploma atau Sarjana Muda kepada pelajar yang hilang upaya kekal semasa dalam pengajian dan layak dianugerahkan bagi program yang didaftar tertakluk kepada kelulusan Senat.
- (b) Syarat-syarat Penganugerahan Aegrotat:
- (i) Sekurang-kurangnya mencapai PNGK > 2.00 ke atas; dan
  - (ii) Mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kredit bergraduasi dan tahap hasil pembelajaran program yang memuaskan.

(7) Kelas Penganugerahan Diploma dan Sarjana Muda

- (a) Kelas Penganugerahan Diploma dan Sarjana Muda adalah seperti dalam Jadual 16.

**Jadual 16 : Kelas Penganugerahan Diploma dan Sarjana Muda**

<b>Diploma</b>	<b>Syarat</b>
Kelas Pertama	$\text{PNGK} \geq 3.67$
Kelas Kedua	$2.00 \leq \text{PNGK} < 3.67$

<b>Sarjana Muda</b>	<b>Syarat</b>
Kepujian Kelas Pertama	$\text{PNGK} \geq 3.67$
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	$3.00 \leq \text{PNGK} < 3.67$
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	$2.33 \leq \text{PNGK} < 3.00$
Kepujian Kelas Ketiga	$2.00 \leq \text{PNGK} < 2.33$

## **BAHAGIAN XII – PENANGGUHAN PENGAJIAN**

- (1) Pelajar boleh mengemukakan permohonan untuk menangguh pengajian sesuatu semester sebelum minggu peperiksaan akhir bermula. Kategori Penangguhan Pengajian adalah seperti berikut:
  - (a) Masalah Peribadi  
Tempoh penangguhan adalah SATU (1) semester bagi setiap kali permohonan dengan kelulusan Dekan.
  - (b) Aktiviti Akademik Khas dan Aktiviti Bukan Akademik  
  
Tempoh penangguhan tidak melebihi SATU (1) tahun pengajian sama ada SATU (1) semester atau DUA (2) semester berturut-turut, bagi aktiviti yang diluluskan oleh Mesyuarat Fakulti.
  - (c) Masalah Kesihatan
    - (i) Tempoh penangguhan tidak melebihi SATU (1) tahun pengajian akademik bagi setiap kali permohonan. Pelajar boleh mengemukakan permohonan untuk menangguh pengajian bagi sesuatu semester atau sesi dengan menyertakan pengesahan dan sokongan daripada pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan.
    - (ii) Bagi kes kesihatan, Senat berhak untuk menentukan sama ada pelajar dibenarkan untuk meneruskan pengajian atau menangguhkan pengajian atau diberhentikan pengajian berasaskan perakuan pegawai perubatan Universiti atau hospital kerajaan.
- (2) Pelajar boleh ditangguhkan pengajian oleh pihak Universiti sekiranya gagal menjelaskan bayaran yuran pada tempoh waktu yang ditetapkan oleh Universiti.
- (3) Pelajar adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada penaja sebarang penangguhan yang telah diluluskan oleh Universiti.
- (4) Pelajar yang telah diluluskan penangguhan pengajian tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti.
- (5) Permohonan untuk menangguh pengajian hendaklah dibuat mengikut prosedur dan tempoh yang ditetapkan.

- (6) Pelajar perlu memastikan pendaftaran semula selepas penangguhan adalah tidak melebihi satu minggu dari tarikh daftar semula. Pelajar boleh diberhentikan pengajian dengan kelulusan Dekan sekiranya tidak mendaftar dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- (7) Maklumat pelajar antarabangsa yang membuat penangguhan peribadi, pihak Universiti berhak memanjangkan maklumat berkaitan kepada pihak berkaitan bagi tindakan lanjut.
- (8) Pembayaran dan pemulangan yuran pengajian untuk pelajar yang diluluskan untuk tangguh pengajian atas alasan kesihatan atau alasan-alasan lain adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti yang berkuatkuasa.

### **BAHAGIAN XIII – DAFTAR SEMULA**

- (1) Daftar Semula (DS)
  - (a) Pelajar yang terputus pengajian hendaklah membuat Daftar Semula (DS) pada minggu pertama kuliah.
  
- (2) Kedudukan Gagal dan Daftar Semula (KGDS)
  - (a) Pelajar yang gagal pada semester pertama tahun pertama boleh memohon Daftar Semula (DS) dengan kelulusan Dekan pada minggu pertama kuliah semester berikutnya.
  - (b) Pelajar KGDS akan memulakan pengajian seperti pelajar baharu tetapi pemindahan kredit yang pernah diluluskan akan diguna pakai.
  - (c) Beban kredit maksimum bagi pelajar KGDS yang mendaftar semula dalam semester tersebut adalah tidak melebihi daripada 12 kredit. Pelajar boleh memohon kebenaran Dekan jika ingin mengambil lebih daripada 12 kredit.
  - (d) Pelajar KGDS akan diberhentikan pengajian jika gagal mendapat PNG > 2.00 pada semester pertama pengajian ulangan itu.

#### **BAHAGIAN XIV – PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN**

- (1) Pelajar tidak dibenarkan memohon pertukaran program pengajian kecuali dengan kebenaran Dekan.

## **BAHAGIAN XV – PERUNTUKAN AM**

- (1) Semua kaedah pelaksanaan yang dicatatkan dalam Peraturan Akademik Program Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Sarjana Muda hendaklah dipatuhi. Senat berhak meminda sebarang peruntukan dalam Peraturan Akademik ini dari semasa ke semasa.
  
- (2) Pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universti & Kolej Universiti (AUKU 1971), Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-pelajar 2024), Peraturan Peperiksaan Akhir dan Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar serta segala peraturan yang berkuatkuasa di Universiti dari semasa ke semasa.

JABATAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA  
CANSALERI TUN ABDUL RAZAK  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH  
26600 PEKAN

PAHANG DARUL MAKMUR  
TEL : + 609 – 431 5026

PORTAL : <https://umpsa.edu.my/en/current-student>  
e-Mel : [jheaa@umpsa.edu.my](mailto:jheaa@umpsa.edu.my)